



Melintas dengan Selamatnya

Julius dan keluarganya berkereta dari Kota Bharu, Kelantan ke Gerik, Perak semasa melancong ke Semenanjung Malaysia. Mereka telah melihat pemandangan yang menarik. Julius juga dapat membaca papan tanda yang berkaitan dengan keselamatan haiwan di jalan raya.

Julius: Ayah, hati-hati! Ada sekawan gajah di sana.

Ayah: Baik, Julius. Ayah pun sudah nampak papan tanda gajah melintas tadi. Ayah akan memandu kereta dengan berhati-hati supaya kita dan gajah itu selamat.

Julius: Bukan mudah untuk kita melihat gajah liar di tepi jalan raya. Pengalaman ini baharu bagi saya.

Ibu: Benar, Julius. Selama ini, kita hanya melihat gajah dalam televisyen. Pada hari ini, kita cukup bertuah dapat melihat gajah dengan lebih dekat. Namun begitu, ibu berasa takut pula melihat sekawan gajah besar itu.

Ayah: Kita selamat jika berhati-hati. Ayah ada membaca rencana tentang laluan khas untuk gajah melintas lebuh raya dengan selamatnya. Rencana itu juga menerangkan bahawa kita dilarang memasang lampu terserempak dengan gajah pada waktu malam. Selain itu, tindakan membunyikan hon berbuat bising juga tidak wajar. Perbuatan tersebut akan menakutkan gajah.

Julius: Oh, begitu! Bolehkah saya rakam situasi ini bercakap dijadikan kenangan?

Ayah: Untuk Julius merakam video agak sukar di sini. Bagaimanapun, cubalah Julius rakamnya berhati-hati.



**AWAS GAJAH
MELINTAS**

yang

sambil

dengan

serta

kalau

kerana

apabila

untuk



Munshi Cilik

Kata hubung ialah kata yang menghubungkan dua ayat atau lebih. Dua jenis kata hubung ialah:

1. kata hubung gabungan
 2. kata hubung pancangan
- relatif – komplemen – keterangan



Aktiviti

Kenal pasti dan lengkapkan teks dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.